



## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2009/2010**

NAMA MATA PELAJARAN : TAMADUN ISLAM DAN  
TAMADUN ASIA

KOD MATA PELAJARAN : UMA 1162

KURSUS : BBV /BDD/BEE/BFF/BPA/BPC  
BPD

TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL 2010

JANGKA MASA : 1 JAM 30 MINIT

ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN  
DALAM BORANG OMR  
YANG DISEDIAKAN  
B) DILARANG MEMBAWA  
KERTAS SOALANINI  
KELUAR DARI  
DEWAN PEPERIKSAAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 21 MUKA SURAT

S1 Dalam bahasa Arab, istilah *tamaddun* yang berasal daripada perkataan *madanna* dan kata terbitan *madani* adalah berasal dari perkataan \_\_\_\_\_.

- A *al-din*
- B *al-dunya*
- C *al-mudun*
- D *al-adab*

S2 Apakah aspek utama yang ditekankan dalam pengertian perkataan tamadun ?

- A Kemajuan sains dan kecanggihan teknologi
- B Kehalusan kesenian dan ketinggian kebudayaan.
- C Kehalusan budi pekerti dan kesopanan tata susila
- D Kemajuan dalam perlakuan, pemikiran dan pembangunan perbandaran.

S3 Siapakah penulis terawal yang mengupas dan mengetengahkan idea pengajian ketamadunan ?

- A Farid Wajdi
- B Jurji Zaydan.
- C Ibnu Khaldun
- D Muhammad Abdurrahman

S4 Apakah penanda aras yang digunakan oleh Barat untuk menggambarkan maksud tamadun (*civilization*) ?

- I Penempatan di kawasan perbandaran
- II Pencapaian dalam bidang ilmu dan teknologi
- III Pencapaian dalam aktiviti perekonomian
- IV Penyusunan struktur politik dan kemasyarakatan

- A I dan II
- B III dan IV
- C I,II dan IV
- D Semua di atas

S5 Apakah ciri ketamadunan yang **paling** utama?

- A wujudnya sistem kepercayaan dan agama
- B peningkatan daya reka cipta dalam penciptaan teknologi
- C kewujudan sistem perundangan yang teratur
- D kewujudan sistem organisasi dan institusi sosial

S6 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai hubungan antara tamadun dan agama.

- A Kehidupan di kota tidak selari dengan kehidupan beragama
- B Kehidupan beradab merupakan tuntutan kehidupan beragama
- C Tamadun dan agama tidak mempunyai kaitan kerana kedua-duanya merupakan perkara yang berasingan
- D Tamadun merujuk kepada pencapaian manusia dalam kehidupan bermasyarakat manakala agama adalah mengenai kepercayaan sahaja

S7 Pilih pernyataan yang **tidak benar** mengenai hubungan antara tamadun dan budaya.

- A Semua yang bertamadun adalah berbudaya
- B Budaya terbatas kepada kawasan geografi dan bangsa
- C Semua unsur dan amalan budaya boleh dianggap sebagai bertamadun
- D Tamadun dan budaya berkait rapat walaupun maksud kedua-duanya berbeza

S8 Perkara-perkara yang boleh membawa kepada keruntuhan sesebuah tamadun adalah:

- I Peperangan yang berpanjangan.
- II Pemerintahan yang zalim.
- III Nilai-nilai moral yang kukuh.
- IV Penghijrahan manusia.

- A I dan II
- B II dan III
- C I,II dan III
- D I,II dan IV

**S9** Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi hubungan antara tamadun ?

- I Peperangan
  - II Perdagangan
  - III Penghijrahan
  - IV Penterjemahan
- 
- A I,II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I.III dan IV
  - D II,III dan IV

**S10** Teori kitaran yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun mengenai perkembangan sesebuah tamadun mengandungi tiga fasa utama iaitu

- I Tahap awal kelahiran
  - II Tahap kehidupan yang menetap
  - III Tahap lemah atau kejatuhan
  - IV Tahap pasca-tamadun
- 
- A I dan II
  - B I,II dan III
  - C II,III dan IV
  - D I,II dan IV

**S11** Apakah asas utama dalam konsep dan pandangan semesta Tamadun Islam ?

- A Menilai mana yang baik dan boleh diikuti.
- B Memelihara, memperbaiki dan menghormati hak-hak yang telah dianugerahkan oleh Allah kepada hamba-Nya di dunia
- C Mencari makna kebenaran dalam kehidupan
- D Meningkatkan kesejahteraan manusia sejagat

**S12** Tiga bentuk hubungan penting yang perlu dipelihara dalam Tamadun Islam ialah;

- A Manusia, Allah dan alam sekitar
- B Allah, malaikat dan alam akhirat
- C Allah, alam sekitar dan malaikat
- D Manusia, malaikat dan alam sekitar

**S13** Berikut adalah kenyataan paling tepat mengenai kepentingan akhlak dalam menjamin kesinambungan sesebuah tamadun.

- A Akhlak penting kerana agama menganggapnya penting
- B Nilai akhlak boleh berubah-ubah mengikut kesesuaian akal manusia
- C Akhlak yang buruk tidak memberikan sebarang implikasi kepada tamadun
- D Kemantapan akhlak menyebabkan tamadun manusia seimbang dari aspek fizikal dan spiritual

**S14** Perbezaan ketara antara Tamadun Islam dengan bukan Islam adalah kerana

- A Tamadun Islam terbina melalui pencapaian manusia yang dihasilkan oleh manifestasi keimanan kepada Allah, sedangkan tamadun bukan Islam tidak sedemikian
- B Tamadun Islam berpusat di kota, sedangkan tamadun bukan Islam berpusat kepada material
- C Asas tamadun Islam merupakan manusia, sedangkan tamadun bukan Islam adalah manusia yang beriman
- D Tamadun Islam mementingkan pencapaian teknologi sebagai alat, manakala tamadun Islam mementingkan teknologi sebagai matlamat

**S15** Mengapakah Islam dinyatakan sebagai teras kepada sebuah tamadun agung?

- A Islam tidak memisahkan urusan keduniaan dan urusan keagamaan
- B Islam mementingkan perdamaian
- C Islam mementingkan keperluan kerohanian
- D Islam menekankan kehidupan spiritual

**S16** Apakah sumbangan terbesar Islam terhadap Tamadun Melayu?

- A Menyediakan panduan ke arah kejayaan dalam aspek material
- B Memberi ‘jiwa’ dan ‘rupa’ terhadap kemajuan yang sebenar
- C Memastikan kehidupan sosial yang harmoni
- D Menekankan kepentingan pendidikan

**S17** Apakah yang dimaksudkan ciri umum dan sejagat dalam Tamadun Islam ?

- I Mencakupi seluruh aspek kehidupan
  - II Seruan keadilan untuk semua insan
  - III Mempunyai kesesuaian pada semua tempat dan masa
  - IV Menekankan peringkat yang paling tinggi yang boleh dicapai oleh manusia
- 
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

**S18** Berikut adalah benar mengenai bentuk-bentuk kebebasan yang dibawa oleh Islam

- I Kebebasan beragama dan kepercayaan
  - II Kebebasan rohani dan hawa nafsu
  - III Kebebasan mutlak daripada perhambaan
  - IV Kebebasan berpolitik, bersuara dan memberi pendapat
- 
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D Semua di atas

**S19** Kenyataan berikut adalah benar mengenai teori kedatangan Islam ke Alam Melayu dari Tanah Arab **kecuali**

- A pengaruh pakaian masyarakat Arab
- B penemuan batu bersurat di Terengganu

- C hubungan perdagangan dengan Asia barat
  - D peranan ulama Arab dalam proses pengislaman
- S20** Asas utama Tamadun Islam adalah melibatkan komponen
- A akidah, syariat dan ibadat
  - B akidah, syariat dan akhlak
  - C akidah, akhlak dan siyasah
  - D akidah, akhalak dan hadarah
- S21** Berikut adalah perkara yang benar mengenai sains dan teknologi dalam Islam
- I Segala ilmu sains dan teknologi datangnya daripada Allah
  - II Matlamat utama ilmu dalam Islam ialah kesenangan dan keselesaan hidup di dunia
  - III Segala ilmu sains dan teknologi barat bercanggah dengan syariat
  - IV Ilmu sains dan teknologi sebagai alat memperhambakan diri kepada Tuhan
- A I dan II
  - B I, dan III
  - C II dan IV
  - D I dan IV
- S22** Susun dasar-dasar tamadun Islam yang berikut mengikut keutamaannya
- A Memelihara akal, nyawa, agama, maruah dan harta
  - B Memelihara agama, akal, nyawa, harta dan maruah
  - C Memelihara agama, nyawa, akal, harta dan maruah
  - D Memelihara akal, agama, nyawa, maruah dan harta
- S23** Berikut adalah sifat-sifat Tamadun Islam **kecuali**
- A Kesatuan dalam kepelbagai
  - B Toleransi terhadap kesilapan umatnya
  - C Keseimbangan antara rohani dan jasmani
  - D Sempurna dan menyeluruh

- S24** Berikut adalah kenyataan **paling tepat** mengenai pandangan Islam tentang Tuhan yang menjadi intipati dalam perbahasan ilmu ketamadun
- A Allah adalah pencipta alam dan bersifat dengan nama-Nya yang indah
  - B Tuhan merupakan matlamat semua urusan pembinaan tamadun manusia
  - C Tauhid Uluhiyyah hanya diimani oleh muslim dan tidak diyakini oleh non-muslim
  - D Tauhid Rububiyyah hanya diimani oleh muslim dan tidak diyakini oleh non-muslim
- S25** Manakah kenyataan yang **tidak tepat** berkaitan dengan hak asasi dalam Islam?
- A Hak asasi sebahagian daripada ajaran Islam
  - B Hak asasi perlu disesuaikan dengan suasana setempat dan masyarakat
  - C Hak asasi ditentukan oleh Allah
  - D Hak asasi bersifat tetap, tidak boleh sama sekali dihapuskan atau diubah oleh mana-mana pihak
- S26** Berikut adalah antara tujuan utama jihad dalam Islam **kecuali**
- A memperbanyakkan negara dan jajahan takluk pemerintahan Islam di muka bumi ini
  - B meluaskan syiar Islam
  - C membela kepentingan orang-orang Islam daripada kezaliman pihak musuh
  - D mempertahankan Islam dan ajarannya
- S27** Apakah yang dimaksudkan dengan jihad nafsu?
- A Jihad di medan peperangan
  - B Jihad dalaman iaitu apabila terlaksana jihad ini maka sempurnalah konsep jihad keseluruhannya
  - C Jihad mentaati Allah, tunduk dan patuh kepada-Nya
  - D Jihad untuk meningkatkan penguasaan ekonomi
- S28** Manakah kenyataan yang paling tepat mengenai konsep Jihad dalam Islam?
- A Ajaran mementingkan kehidupan dunia tanpa mengambil kira kehidupan akhirat
  - B Tindakan menceroboh negara bukan Islam satu kewajipan
  - C Kedudukan kaum wanita ditentukan oleh kaum lelaki
  - D Jihad tidak hanya berkaitan dengan perang bersenjata

S29 Sekularisme dalam tamadun Islam adalah merujuk kepada

- A pengasingan ajaran Islam dari kehidupan seharian
- B masa sekarang atau kini atau temporal atau dunia ini
- C proses pengasingan urusan dunia dari ajaran agama
- D amalan cara hidup yang mementingkan urusan dunia

S30 Semua kenyataan berikut berkaitan dengan tuntutan dan pengisian Jihad dalam Islam seperti yang dibuktikan di zaman kegemilangan tamadun Islam, **kecuali**

- A Tuntutan Jihad pada hakikatnya berkaitan dengan proses memantapkan minda dan keperbadian diri
- B Mengangkat martabat keintelektualan insaniah yang maksimum
- C Mengangkat martabat diri dengan memutuskan hubungan keduniaan secara total
- D Mengisi tuntutan Jihad ke arah mempertahankan martabat kemuliaan insan (*karamah insaniah*)

S31 Yang manakah di antara berikut merupakan perkara yang merujuk kepada peristilahan Melayu?

- A Ras(genetic atau biologi), kebudayaan dan bahasa
- B Pakaian, kebudayaan dan bahasa
- C Kebudayaan, iklim dan bahasa
- D Pemikiran, kebudayaan dan iklim

S32 Berikut adalah nama-nama yang merujuk kepada wilayah yang didiami oleh orang-orang Melayu di Asia Tenggara **kecuali**

- A Gugusan kepulauan melayu (*Malay Archipelago*)
- B Gugusan Kepulauan Melayu-Indonesia
- C Semenanjung
- D Alam Melayu, dan Tanah Jawi

S33 Apakah takrif orang Melayu menurut perkara 160 Perlembagaan Persekutuan

- I Berbahasa Melayu
- II Mengamalkan adat istiadat Melayu
- III Beragama Islam
- IV Tinggal di pesisir pantai

- A I dan II
- B II dan III
- C I,II dan III
- D Semua di atas

**S34** Apakah dua perkara penting yang mewarnai pembentukan Tamadun Melayu ?

- A Bahasa Melayu dan Agama Islam
- B Bahasa dan interaksi antara tamadun
- C Kepelbagaian etnik dan agama Islam
- D Bahasa dan kepelbagaian etnik

**S35** Sebutkan dua empayar melayu awal yang merupakan asas kepada pembentukan asal-usul Tamadun Melayu.

- A Empayar Funan dan Empayar majapahit
- B Empayar Funan dan Empayar Sri Langka
- C Empayar Funan dan Empayar Sri Vijaya
- D Empayar Funan dan Empayar Demak

**S36** Apakah pernyataan yang salah tentang kepercayaan masyarakat Melayu sebelum kedatangan agama Hindu dan Buddha di Tanah Melayu?

- A Primitif dan animisme
- B Percaya kepada ajaran nenek moyang
- C Percaya kepada hyang
- D Percaya kepada Allah

**S37** Apakah perubahan bentuk kepercayaan dan corak kehidupan masyarakat Melayu selepas kedatangan Islam?

- A kepercayaan kepada Allah dan Rasulnya bertukar kepada Dewa dan Animisme
- B Kepercayaan kepada Dewa bertukar kepada kepercayaan kepada Allah s.w.t.
- C kepercayaan kepada Dewa bertukar kepada kepercayaan kepada animisme
- D Kepercayaan kepada Allah dan Rasulnya berutkar kepada kepercayaan yang meyakini banyak tuhan

**S38** Nyatakan pembahagian konsep tauhid

- A Tauhid Uluhiyah dan Tauhid Rububiyyah
- B Tauhid Ubudiyah dan Tauhid Rabbaniyah
- C Tauhid Imaniyah dan Tauhid Rasmaniyyah
- D Tauhid Islamiyah dan Tauhid Risaliyah

**S39** Manakah antara kenyataan di bawah merupakan faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan Islam di Tanah Melayu?

- A Perdagangan, perkahwinan, pertanian, perlumbaan penyebaran agama, keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah
- B Perdagangan, perkahwinan, pengislaman pemerintah, perlumbaan penyebaran agama, keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah
- C Perdagangan, perkahwinan, perlumbaan penyebaran agama, keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah serta aktiviti perikanan
- D Perdagangan, perkahwinan, perperangan, perlumbaan penyebaran agama serta leunggulan dan kebijaksanaan pendakwah

**S40** Nyatakan laluan kedatangan Islam ke Alam Melayu

- A Tanah Arab, India, Pakistan dan China.
- B Tanah Arab, Pakistan, India dan Champa
- C Tanah Arab, India, China dan al-Jazair
- D Tanah Arab, India, China dan Champa

**S41** Apakah sistem dalam masyarakat Cina yang bertujuan untuk mengawal keluarga dan negara?

- A Konsep Zhong dan Xiao
- B Konsep Fong dan Sue
- C Konsep Chun dan Qin
- D Konsep Cheng dan Hoe

**S42** Berikut adalah merupakan ajaran utama Konfusius yang menekankan amalan nilai dan sifat yang mulia **kecuali**

- A Ren ( kemanusiaan )
- B Li ( kesusilaan )
- C Fa ( undang-undang )
- D Xiou ( ketaatan )

**S43** Konsep *Tian* dalam pandangan semesta Tamadun Cina merangkumi beberapa fahaman iaitu:

- I Tian merupakan sumber kewujudan kepada seluruh makhluk di dunia
  - II Tian adalah yang maha agung dan mengatasi segala sesuatu
  - III Tian adalah kuasa penentu nasib sesebuah dinasti
  - IV Tian adalah kuasa penentu kebahagiaan dan kesengsaraan insan
- A I,II dan III
  - B I,III dan IV
  - C I,II dan IV
  - D Semua di atas

**S44** Pusat pertumbuhan Tamadun Cina di sebelah utara ialah

- A Chang Jiang
- B Huang He
- C Wilayah Shanxi
- D Wilayah Shandong

**S45** Sumbangan terbesar tamadun Cina terhadap perkembangan teknologi dunia ialah

- I pembuatan kertas
  - II percetakan
  - III bahan letupan
  - IV kompas
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D Semua di atas

**S46** Dua kebudayaan utama yang menjadi tanda kepada tamadun awal di China ialah

- A. Yangshao dan Gangsa
- B. Longshan dan Wu Chang
- C. Yangshao dan Longshan
- D. Zhong Guo dan Zhong Hua

- S47** Berikut merupakan pengertian kepada konsep  *yang menjadi asas kepada pandangan semesta tamadun Cina **kecuali***
- A konsep  *bermaksud jalan (*the way*)*
  - B *Dao* adalah prinsip agung yang mutlak serta asal usul semua makhluk
  - C *Dao* bersifat azali (primordial), dengan semua makhluk berasal dan akan kembali pada akhir hayat mereka
  - D *Dao* adalah sifat mulia yang tidak melampaui batas sama ada yang terlebih atau terkurang
- S48** Apakah sejarah bangsa yang paling penting dalam sejarah Tamadun Cina ?
- A Sejarah Bangsa Han
  - B Sejarah Bangsa Khan
  - C Sejarah Bangsa Tatar
  - D Sejarah Bangsa Monggol
- S49** Percanggahan dan pertentangan dari dua aspek positif dan negatif dikenali sebagai
- A Teori Zhongyong dan Junzi
  - B Teori Yin dan Yang
  - C Teori Feigong dan Feiming
  - D Teori Shi dan Shu
- S50** Kemuncak kegemilangan Islam di China adalah pada zaman
- A Dinasti Yuan ( 1271-1368 )
  - B Dinasti Han ( 206 SM-220 SM )
  - C Dinasti Ming (1368-1644 )
  - D Dinasti Qin ( 221 SM-207 SM )
- S51** Di manakah bermulanya Tamadun Indo-Arya?
- A Lembah Ganges
  - B Sungai Gangga
  - C Wilayah Sind
  - D Sungai Indus

**S52** Nyatakan peranan yang dimainkan oleh orang-orang India sewaktu penghijrahan ke Asia Tenggara

- A sebagai pedagang dan buruh perladangan
- B sebagai tentera dan mubaligh agama
- C sebagai pedagang dan pelajar
- D sebagai pentadbir dan tentera

**S53** Bilakah kuasa Islam mula bertapak dalam Tamadun India?

- A Zaman Awal
- B Zaman Vedik
- C Zaman Pertengahan
- D Zaman Penjajahan Barat

**S54** Nyatakan susun lapis masyarakat India mengikut urutan menaik.

- A Brahmacarya, Grahasta, Vanaprasta, Sannayasa
- B Grahasta, Brahmacarya, Sannayasa, Vanaprasta
- C Sannayasa, Grahasta, Vanaprasta, Brahmacarya
- D Sannayasa, Vanaprasta, Grahasta, Brahmacarya

**S55** Sistem kasta yang diamalkan dalam Tamadun India terdiri daripada

- I Brahmin
- II Ksatriya
- III Vaisya
- IV Sudra

- A I dan II
- B I,II dan III
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**S56** Pilih kenyataan yang **benar** mengenai kesan pengaruh Tamadun India yang terdapat dalam masyarakat Melayu.

- A Karya Hikayat Panji Semerang
- B Pemakaian sari untuk wanita
- C Penggunaan warna kuning untuk keluarga diraja
- D Penerimaan perkataan Sanskrit seperti kerusi, almari, paya dalam bahasa Melayu

**S57** Pilih kenyataan yang benar mengenai sumbangan kerajaan Islam daripada Dinasti Mughal dalam Tamadun India.

- A Membina kuil besar-besaran
- B Memudahkan perkembangan sastera Tamil
- C Memulihkan pergerakan Bhakti dalam mazhab Saiva dan Vaisnava
- D Menggabungkan unsur-unsur Islam dan Hindu dalam aspek bahasa, kesusasteraan, perubatan, astronomi, senibina dan sebagainya

**S58** Tamadun India terdiri daripada pelbagai agama dan kepercayaan. Apakah bentuk kepercayaan dan agama terbesar yang mendominasi masyarakat Tamadun India?

- A Hindu, Buddha, Islam dan Sikh
- B Hindu, Jaina, Bahai dan Zoroaster
- C Hindu, Islam, Sikh dan Bahai
- D Hindu, Buddha, Zoroaster dan Bahai

**S59** Siapakah pengasas ajaran agama Buddha?

- A Raja Suddhodana Gautama
- B Siddhartha Gautama
- C Bhagavadgita Gautama
- D Ramayana Gautama

**S60** Tinggalan senibina pemerintahan Islam yang diiktiraf oleh dunia sehingga ke hari ini dalam sejarah Tamadun India ialah

- A Menara Qutb-Minar
- B Bangunan Masjid di Agra
- C Taj Mahal
- D Kota Agra

- S61** Apakah kesan daripada pertembungan Tamadun Barat dengan Tamadun Islam?
- A Tidak menghilangkan ciri-ciri jati diri bagi seseorang Islam atau seseorang Asia  
B Dunia pada hari ini kelihatan seolah-olah ‘ sebuah dunia Barat yang besar’ yang bersifat hegemoni.  
C Globalisasi kebudayaan kebendaan yang dicipta oleh dunia barat sama sekali tidak memberi kesan kepada Tamadun Islam dan Asia  
D Jatidiri Tamadun Islam dan jatidiri Tamadun asia tetap utuh dan teguh sebagaimana mulanya
- S62** Nyatakan kesan daripada pengaruh penjajahan dan dominasi barat terhadap dunia Islam dan Asia?
- A Rasa rendah diri yang berpanjangan  
B Rasa bangga diri yang berpanjangan  
C Rasa tinggi diri yang berpanjangan  
D Rasa megah diri yang berpanjangan
- S63** Negara-negara berikut mempunyai kuasa veto yang mendominasi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ( PBB ) **kecuali**
- A Amerika Syarikat  
B China  
C Rusia  
D Jerman
- S64** Apakah faktor yang menyebabkan Amerika Syarikat menganggap ‘dirinya’ sebagai sebuah kuasa politik global?
- A Negara-negara lain memberi pengiktirafan akan kekuatan pengaruhnya  
B Kekuatan ketenteraan dan militarinya  
C Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa bersatu melantiknya sebagai ‘polis dunia’  
D Tidak ada negara-negara lain yang ingin menyaingi kekuatan pengaruh dan kehebatan ketenteraannya

- S65** Manakah antara institusi-institusi global berikut yang tidak terlibat dalam mencorakkan bentuk ekonomi global dunia?
- A International Monetary Fund (IMF)
  - B World Trade Organisation (WTO)
  - C World Health Organization (WHO)
  - D Pertubuhan Negara-Negara G8
- S66** Antara kenyataan berikut yang manakah **bukan** merupakan kesan positif hasil daripada interaksi Tamadun Barat terhadap Tamadun Islam dan Asia
- A Meningkatkan perkembangan Sains dan Teknologi dan memberi manfaat kepada dunia Islam dan Asia
  - B Membantu mengurangkan kemiskinan, meningkatkan taraf hidup dan membawa keselesaan material kepada masyarakat Asia
  - C Pertumbuhan dan perkembangan ekonomi pasaran juga telah menambahkan kemewahan golongan menengah di kebanyakan negara dunia
  - D Cara hidup Barat telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat Asia dan dunia amnya
- S67** Manakah antara berikut merupakan kesan pengaruh kuasa barat terhadap sistem pemerintahan dan politik di negara-negara Islam dan Asia?
- A Sistem politik dan pemerintahan negara-negara Islam dan Asia kesemuanya dipengaruhi oleh sistem pemerintahan dan politik Barat
  - B Tersebar luasnya semangat demokrasi di dalam sistem politik global termasuk di dunia Islam dan Asia
  - C Negara-negara Islam dan Asia bebas untuk menentukan nasib dan hak bersuara mereka sendiri tanpa dipengaruhi oleh mana-mana kuasa
  - D Mana-mana negara yang tidak sealiran dan bertentangan dengan dasar dan Tamadun Barat diberi kebebasan oleh kuasa besar Barat untuk menentukan polisi dan dasar masing-masing

**S68** Kenyataan yang berikut adalah merupakan asas kepada Teori Pertembungan Tamadun sepetimana yang dikemukakan oleh Huntington **kecuali**

- A teras utama kepada isu-isu yang berkaitan dengan agenda antarabangsa sebenarnya berkaitan dengan perbezaan yang wujud antara pelbagai tamadun
- B selepas era perang dingin, perbezaan yang paling ketara antara masyarakat sejagat bukan lagi berkaitan ideologi, politik dan ekonomi tetapi budaya
- C dunia akan menjadi homogen dengan dicirikan oleh pemikiran liberalisme dan demokrasi Barat setelah keruntuhan komunisme
- D tamadun merupakan entiti budaya yang terbesar justeru konflik yang bakal timbul adalah disebabkan perbezaan antara budaya yang membawa kepada pertembungan antara tamadun

**S69** Apakah yang dimaksudkan dengan ‘Unipolar’?

- A Negara tanpa imbalan kuasa
- B Negara pengeluar senjata
- C Gabungan kuasa negara-negara besar
- D Negara tanpa kuasa

**S70** Manakah di antara cabaran berikut yang paling dominan terhadap pertembungan antara peradaban dan tamadun?

- A Proses globalisasi
- B Kepelbagaian tamadun
- C Perbezaan matawang
- D Persaingan senjata nuklear

**S71** Apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan ‘pendekatan Islam Hadhari bermatlamat untuk mewujudkan rakyat yang berjiwa merdeka’?

- A Rakyat yang merdeka dari cengkaman penjajah
- B Rakyat yang boleh hidup bebas tanpa kongkongan undang-undang
- C Rakyat yang berjiwa bebas dan sanggup melakukan apa sahaja atas nama negara
- D Rakyat berjiwa bebas dari belenggu nafsu dan perkara-perkara yang bertentangan dengan etika

- S72** Manakah antara kenyataan berikut yang tidak berkaitan dengan dialog antara tamadun?
- A Manusia perlu sedar bahawa setiap agama, budaya dan tamadun masing-masing mengandungi nilai dan pandangan semesta yang menekankan kesatuan, kejujuran, maruah dan kebebasan manusia
  - B Tamadun Islam dan Tamadun Asia sentiasa menekankan penerimaan terhadap sifat tamak dan kepentingan diri
  - C Persoalan etika tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan
  - D Setiap bidang dalam masyarakat menurut pendirian Islam dan tamadun-tamadun berasaskan agama yang lain mesti diasaskan di atas nilai-nilai moral
- S73** Apakah pandangan Barat terhadap Islam selepas peristiwa 11 September 2001?
- A Islam semakin gah di Barat
  - B Islam dilabel sebagai penganas
  - C Kedudukan umat Islam semakin terancam
  - D Islam semakin dihormati dan disanjungi
- S74** Apakah kesan besar peristiwa 11 September 2001 kepada umat Islam?
- A Presiden Amerika selalu menziarahi negara-negara Islam
  - B Golongan minoriti Islam di Barat sering diberikan perhatian
  - C Islam semakin diterima oleh masyarakat Barat
  - D Dialog antara golongan Islam Minoriti dan golongan Islam Majoriti semakin meningkat
- S75** Manakah antara berikut merupakan isu-isu utama yang dibincangkan dalam dialog antara tamadun?
- I Keganasan dan ketidakadilan
  - II Perebutan kuasa politik dan ekonomi
  - III Kejahanan tentang tamadun lain
  - IV Pencapaian cemerlang dalam bidang sains dan teknologi
- A I dan II
  - B I,II dan III
  - C II dan IV
  - D Semua di atas

S76 Berikut merupakan perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian dalam mengadakan dialog antara tamadun di Malaysia **kecuali**

- A persefahaman antara kaum yang berasaskan nilai budaya dan taamdu sepunya
- B Rukun Negara sebagai asas tamadun Malaysia
- C mengambil kira kepercayaan dan amalan setiap budaya dan taamdu di Malaysia
- D jumlah penguasaan ekonomi setiap bangsa di Malaysia

S77 Apakah perkara-perkara yang perlu dititikberatkan dalam konteks dialog antara peradaban yang melibatkan Tamadun Islam dan Asia dengan Tamadun Barat ?

- I Nilai-nilai sepunya
  - II Menghormati realiti dunia berbilang tamadun
  - III Saling kebergantungan dalam pembangunan ketamadunan
  - IV Memahami isu-isu yang memisahkan antara tamadun Barat dan Tamadun Islam dan Asia
- A I,II dan III
  - B II,III dan IV
  - C I,III dan IV
  - D Semua di atas

S78 Apakah cabaran globalisasi yang dihadapi oleh dunia yang berbilang tamadun pada masa kini?

- I Dominasi Budaya Kebendaan Barat
  - II Dominasi Politik oleh Barat
  - III Dominasi Ekonomi oleh Barat
  - IV Dominasi Media oleh Barat
- A I dan II
  - B II dan III
  - C II,III dan IV
  - D Semua di atas

S79 Antara berikut yang manakah **bukan** merupakan salah satu usaha yang dilakukan untuk mewujudkan kesatuan, perpaduan dan pengukuhan Tamadun Malaysia?

- A Memperbanyak program-program yang berbentuk hiburan
- B Kuala Lumpur sebagai pusat dialog peradaban antarabangsa
- C Deklarasi dialog peradaban
- B Konsep Satu Malaysia

S80 Apakah kesan yang **paling ketara** akan berlaku jika usaha untuk mengadakan dialog antara peradaban tidak diberikan perhatian?

- A Saling tidak mengenal antara satu sama lain
- B Terdedah kepada suasana konflik yang berterusan
- C Setiap tamadun akan lebih maju
- D Tiada sebarang kesan yang akan berlaku